

11) SKIM CERIA

Adun : Y.B. Puan Wong Siew Ki (Seri Kembangan)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2024)

Sub soalan :

- a) Terdapat pangsapuri kos rendah yang mengalami masalah kebocoran paip air selepas meter pukal dan menyebabkan kenaikan bil air yang tidak dapat ditanggung oleh pihak penghuni mahupun pihak JMB / MC. Bolehkah Skim Ceria meluaskan skop supaya kemudahan utiliti dimasukkan ke dalamnya?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Skim CERIA yang telah dilaksanakan sejak Tahun 2011 oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah menyediakan jenis bantuan pembaikan atau penggantian sistem retikulasi air bagi Pangsapuri Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah. Oleh yang demikian, permohonan bantuan pembaikan atau penggantian sistem retikulasi air di bawah Skim CERIA adalah boleh dibuat melalui sistem atas talian di pautan <https://eceria.lphs.gov.my>.

